

Parlimen: Purata 98,000 Orang Guna KTM Komuter Setiap Hari
Bernama
11 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Secara purata seramai 98,000 orang menggunakan perkhidmatan (Keretapi Tanah Melayu) KTM Komuter setiap hari sepanjang lima tahun ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata daripada jumlah itu, stesen KL Sentral mencatat purata harian tertinggi dengan 19,487 orang diikuti MidValley (6,135), Bank Negara (5,055) dan Sungai Buloh (4,072).

"KTM telah merangka perancangan lanjut dalam jangka pendek dan panjang bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan Komuter antaranya melalui inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara seperti perolehan 38 set Komuter enam koc.

"(juga) peningkatan dan penambahbaikan kemudahan di stesen Komuter, meningkat keselamatan dan menangani kesesakan di tren serta stesen Komuter," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Tan Sri Ong Ka Ting (BN-Kulai) di Dewan Rakyat Isnin.

Ong bertanya tentang jumlah purata pengguna KTM Komuter setiap hari dalam lima tahun ini dan perancangan selanjutnya untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=672038>